

Tauliah agama: PAS Selangor jumpa Jais minggu depan
The Malaysian Insider
22 September , 2011

SHAH ALAM, 22 Sept — PAS Selangor bercadang mengadakan pertemuan dengan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) minggu depan bagi membincangkan isu pentauliah memberi kuliah agama di negeri itu.

Pesuruhjaya PAS negeri Dr Abdul Rani Osman berkata parti itu sudah menghantar surat minggu lepas dan kini menanti jawapan daripada Jais.

“Berkenaan dengan isu pentauliah pihak kami ingin mengadakan pertemuan dengan institusi tersebut pada 27 September nanti.

“Kita akan membincangkan segala isu mahupun persoalan yang menjadi tanda tanya terhadap pentauliah tersebut dan berharap akan mendapat jalan penyelesaian,” kata beliau pada sidang media di sini hari ini.

Dipetik Harakahdialy, Dr Abdul Rani menambah, “kita tahu tauliah ini diberikan hanya untuk mengelak daripada wujudnya ajaran sesat dan untuk makluman dalam PAS ramai pemimpin yang memperoleh sijil dalam agama Islam diiktiraf oleh antarabangsa.”

“Maka untuk mengatakan wujud ajaran sesat yang disampaikan oleh pemimpin PAS adalah tidak benar,” katanya.

Timbalannya, Khalid Samad (gambar) pula memberitahu tidak pernah ada garis panduan yang dikenakan oleh Jais dalam memberi tauliah dan setiap individu yang ingin mengajar akan dipanggil temu duga.

Kata beliau, untuk memohon tauliah mengajar di Selangor tidak pernah ada garis panduan ataupun kelayakan mereka yang memohon, malah sesiapa yang ingin mengajar akan dipanggil temu duga dan dari situ baru diketahui sama ada layak atau tidak.

“Berkenaan dengan menghalang ahli-ahli politik bercakap tentang agama di masjid mahupun surau ia adalah satu tindakan yang amat pelik kerana tempat tersebut adalah tempat untuk mendekati Islam.

“Tapi tempat awam dibenarkan, kita lihat perkara ini sudah menjadi satu yang tidak boleh diterima akal. Jadi saya berharap pertemuan nanti akan menemui jalan penyelesaian berkaitan isu pentauliah,” usul Khalid.

Sebelum ini isu pentauliah ini telah menjadi tumpuan apabila kedua-dua pemimpin PAS Khalid dan juga Dr Rani yang telah ditarik balik oleh Jais apabila didapati menyampaikan tazkirah di sebuah surau semasa Ramadan sehinggakan pihak Jais telah mendakwa Khalid di Mahkamah Syariah kerana dakwaan tersebut.

PAS Negeri Selangor juga mengucapkan tahniah kepada Jais kerana telah siap menyediakan dan menyerahkan laporan penuh berhubung pemeriksaan ke atas Gereja Methodist Damansara Utama (DUMC) kepada Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim.

Dr Rani yang juga Adun Meru berkata, pihaknya menolak keras sebarang usaha untuk memisahkan politik atau siasah daripada ajaran Islam.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tauliah-agama-pas-selangor-ju-mpa-jais-minggu-depan/>